



"Kesyumulan Tarbiah Asas Amilin Rabbani"

# RISALAH

# UNIT PENERANGAN

Disediakan oleh: Unit Penerangan, Lajnah Dakwah dan Tarbiah, Keluarga Pelajar-pelajar Kelantan Mesir 2019/2020

## KEPENTINGAN MEMPELAJARI SEJARAH

Sejarah berasal dari perkataan arab، شجرة yang bermaksud pokok. Pokok-pokok kehidupan umat terdahulu yang dirakamkan Allah di dalam al-Quran telah memberi gambaran jelas betapa pentingnya sejarah, sehingga menjadi topik perbahasan utama dalam kitab suci umat Islam dan semestinya menjadi satu perkara yang tidak boleh dipisahkan dari kehidupan muslim .

Firman Allah SWT dalam surah al-A'raf, ayat 176 yang bermaksud:

“Maka ceritakanlah kisah-kisah yang berlaku agar kamu berfikir dengannya”.

Ini menunjukkan kepada kita bahawa mempelajari sejarah bukan sekadar menceritakan apa yang berlaku, tetapi memerlukan kita untuk berfikir dan mengkaji supaya sejarah boleh menjadi cermin kepada kita untuk tidak mengulangi kesilapan umat Islam terdahulu dalam menegakkan kalimah tauhid.

Sejarah Islam bukan sekadar menceritakan tentang peristiwa, tarikh, tempat dan tokohnya sahaja bahkan yang lebih utama dari sejarah Islam itu ialah hikmah dan pengajaran yang tidak pernah berkurangan serta sentiasa relevan sepanjang zaman.

### Kenapa sejarah Islam penuh dengan hikmah?

Sejarah Islam dipenuhi dengan tokoh-tokoh yang baik dan patut diteladani oleh umat sekarang. Generasi Rasulullah SAW dan para sahabat merupakan kelompok utama yang perlu diikuti. Aspek akidah dan pengorbanan para sahabat dalam membawa risalah Islam sehingga tersebar ke segenap dunia merupakan satu pengajaran terbesar kepada kita agar lebih menghargai cahaya keimanan ini. Perjuangan mereka seterusnya disambung oleh para tabi' dan tabi' tabi'in yang bermati-matian memperjuangkan Islam agar cahayanya kekal dan menyinar sehingga turut dirasai oleh generasi kita sekarang.

Selain itu, sejarah Islam juga dihiasi dengan contoh-contoh yang tidak baik oleh umat terdahulu agar kita mengambil pengajaran dan tidak mengulanginya lagi. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Seorang mukmin tidak akan terjerumus ke dalam lubang yang sama untuk kali yang kedua”.

Dengan mempelajari sejarah Islam juga, kita akan memahami *sunnatullah* dalam sejarah terdahulu. Allah SWT berfirman dalam surah al-Fathir pada ayat 43 dan 44 yang bermaksud: “Apakah

mereka memerhatikan ketentuan-ketentuan Allah terhadap orang-orang terdahulu. Tidaklah ada perubahan dalam ketentuan Allah dan tidaklah ada penyimpangan dalam ketentuan-ketentuan Allah. Tidakkah mereka berjalan di muka bumi dan memerhatikan bagaimana kesudahan orang-orang sebelum mereka”.

### **Fungsi sejarah dalam al-Quran**

Berdasarkan firman Allah SWT dalam surah Hud pada ayat 120, kita dapat terdapat 4 fungsi utama sejarah kepada umat manusia, iaitu :

1. Sejarah sebagai peneguh hati.

Dalam al-Quran terdapat ayat-ayat yang menegaskan akan janji Allah kepada orang mukmin dan orang soleh bahwasanya Allah SWT akan menolong serta mengukuhkan kedudukan orang-orang yang memperjuangkan agama Islam.

2. Sejarah sebagai pengajaran.

Kisah para nabi dalam menyampaikan seruan dakwah mengajarkan kepada kita tentang banyak perkara terutamanya mengenai fiqh dakwah. Contohnya, uslub dakwah yang dipamerkan oleh Nabi Sulaiman kepada Ratu Balqis yang telah berjaya menarik hatinya untuk memeluk agama Allah SWT.

3. Sejarah sebagai peringatan.

Kisah kaum ‘Aad yang ditimpa azab akibat perbuatan homoseksual memberi peringatan kepada umat masa kini agar tidak mengulangi dosa-dosa kaum terdahulu yang ingkar serta berpaling dari dakwah para nabi.

4. Sejarah sebagai sumber kebenaran.

Ayat-ayat berkaitan dengan penciptaan manusia yang disebut di dalam al-Quran telah menjadi bukti kepada para saintis tentang kebenaran al-Quran dan kekuasaan Allah sebagai pencipta alam ini. Al-Quran juga menjadi rujukan dalam pelbagai bidang ilmu dan banyak menjadi dalil kepada kebenaran kisah umat terdahulu.

### **Faedah mendalami sejarah**

Antara faedah mempelajari sejarah terutamanya sejarah umat Islam adalah dapat melahirkan generasi yang matang dan berfikiran jauh ke hadapan serta membentuk peribadi yang baik. Manakan tidak, banyak panduan tentang kehidupan di dunia ini telah dirakamkan Allah di dalam kitab agung umat Islam iaitu al-Quran dan hanya perlu ditadabbur dan dipraktikkan dalam kehidupan.

Umat Islam juga akan lebih menghargai jasa dan pengorbanan generasi terdahulu dalam mempertahankan agama Islam serta menyebarkannya sehingga mampu menguasai hampir 2/3 dunia. Seterusnya, ia dapat memotivaskan diri kita bagi meneruskan kegemilangan Islam yang dicetuskan oleh generasi terdahulu.

### **Kesimpulan**

Sebagai penutupnya, marilah sama-sama kita memupuk rasa kecintaan kepada sejarah agar sejarah kegembilan umat Islam terus terpelihara dan tidak diseleweng oleh para orientalis Barat yang giat mengkaji dan berusaha untuk mengubah sejarah tamadun kita.

Banyakkan mengkaji karya-karya ulama Islam tentang sejarah dan dalam masa yang sama menyebarkannya kepada masyarakat agar lebih ramai lagi di luar sana yang tidak duduk bersahaja dengan nikmat Islam dan keamanan yang kita kecapi sekarang bahkan bersungguh-sungguh dalam setiap pekerjaan.

Marilah sama-sama kita menjadi mahasiswa dan mahasiswi yang matang dan intelektual dalam segenap bidang demi menegakkan kalimah tauhid di muka bumi ini. Perjuangan belum selesai, teruskan melangkah!

Anis Nazirah binti Ismail

Kuliah Bahasa Arab,

Universiti al-Azhar, Mesir.

Rujukan:

- 1) Al-Quran.
- 2) Kitab al-Mausu'ah al-Tarikhiah, Syeikh Roghib al-Sirjani.